

06/07/2001

eSmart Team bolot juara pertandingan Venture 2001

ESMART Team, memenangi hadiah pertama pertandingan Venture 2001 anjuran Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebutarga Automasi Malaysia (Mesdaq), Institut Pengurusan Malaysia dan McKinsey & Company.

eSmart Team mengutarakan ilham memasarkan tempoh tee bagi permainan golf secara elektronik. Tempat kedua dimenangi ACCELTEAM dan diikuti Zarnet bagi tempat ketiga.

Rakan Kongsi McKinsey, Dr Nikolai Dobberstein, berkata penganjur mendapati semua peserta yang memasuki peringkat akhir mempunyai aspirasi keusahawanan yang tinggi berdasarkan pelan perniagaan yang dipertandingkan.

"Peserta menunjukkan komitmen tinggi dan ramai yang sudah berada di fasa pertama untuk mewujudkan perniagaan," katanya di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Venture 2001 adalah pertandingan pelan perniagaan yang dianjurkan bertujuan mengumpul idea, bakat dan modal serta membantu usahawan berwawasan bagi memulakan perniagaan.

Sebanyak 10 pasukan berdasarkan pelan perniagaan yang dipertandingkan memasuki peringkat akhir berbanding 447 permohonan yang diterima pada tarikh tutup pada 25 Mei lalu.

Pasukan itu adalah ACCELTEAM, e-magineer, eSmart Team, INOVA Technology, k-wurx.com, merimen online, Orange Internet, Team Orenda, Visual Edge dan Zarnet.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyampaikan hadiah kepada 10 pemenang utama anugerah Venture 2001.

Dobberstein berkata, Malaysia perlu menangani beberapa cabaran seperti menubuhkan pusat kecemerlangan yang boleh membantu usahawan baru mengetengahkan idea mereka untuk menghasilkan rancangan perniagaan yang berjaya.

"Untuk berjaya syarikat memerlukan pasukan pengurusan baik yang mampu dan bersedia menerajui peringkat paling awal ketika membangunkan perniagaan.

"Kemahiran itu adalah berbeza daripada kemahiran pengurusan biasa dan dihasilkan apabila mereka berjaya dalam perniagaan dan menggunakan pengalaman itu sekali lagi dalam perniagaan baru," katanya.

(END)